

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 153)**

26 MEI 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]
TARIKH : 26 MEI 2016
SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan obesiti adalah ibu kepada banyak masalah kesihatan yang akan menurunkan tahap produktiviti rakyat. Apakah statistik obesiti terkini di negara menjelang negara maju 4 tahun lagi dan apakah tindakan Kementerian untuk menangani masalah ini bila rakyat mencapai pendapatan tinggi dan menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey, NHMS*) secara berkala bermula tahun 1986 bagi menilai trend masalah-masalah kesihatan termasuk trend obesiti di Malaysia. Hasil tinjauan ini menunjukkan prevalen obesiti di kalangan dewasa berumur 18 tahun dan ke atas telah meningkat dari 4.4% pada tahun 1996 kepada 14.0% pada tahun 2006 dan 15.1% pada tahun

2011. Hasil tinjauan terkini iaitu NHMS 2015 juga telah menunjukkan peningkatan prevalen obesiti kepada 17.7%. Walaupun trend prevalen obesiti telah menunjukkan berlakunya peningkatan, namun kadar peningkatan obesiti telah berjaya dikurangkan bermula pada tahun 2011 dan 2015.

Bagi menangani masalah obesiti, pihak kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah dan sedang menjalankan pelbagai strategi, aktiviti dan program pencegahan dan kawalan obesiti terutamanya melalui pendekatan "*whole government and whole society*". Melalui pendekatan bersepadu ini yang melibatkan semua pihak termasuk pemerksaan masyarakat akan memastikan kejayaan yang berterusan. Tumpuan diberikan kepada bagaimana untuk mengubah dua gaya hidup masyarakat Malaysia yang menyumbang secara langsung kepada obesiti iaitu amalan pemakanan yang tidak sihat dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Beberapa pelan tindakan jangka panjang juga telah dibentuk bagi menangani masalah ini. Di antaranya termasuklah Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2015-2020), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (*National Plan of Action for Nutrition of Malaysia, NPANM III*) (2016-2025), Pelan Strategik Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025) dan *Policy Options* untuk Menangani Masalah Obesiti di Malaysia (2016-2025).